

KEBERKESANAN PETA PEMIKIRAN (I-THINK) DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN PENULISAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 6

*(The Effectiveness of i-Think to Improve the Achievement Writing in
Malay Language among Year 6 Students)*

ROHaida Yusop

aidarohaida512@yahoo.com

Kementerian Pendidikan Malaysia

Zamri Mahamod

d-zam@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dihantar pada:

20 Ogos 2015

Diterima pada:

1 September 2015

Koresponden:

d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanannya peta pemikiran (*i-think*) guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tahun 6. Kajian ini dijalankan selama lapan minggu yang melibatkan 60 orang murid di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Batu Pahat. Kumpulan murid eksperimen terdiri daripada 30 orang murid begitu juga dengan kumpulan kawalan. *Data dianalisis menggunakan Predictive Analytics Software (PASW) Statistics 18.* Dapatkan kajian menunjukkan bahawa: (1) Tidak terdapat perbezaan sinifikan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra. Penguasaan penulisan Bahasa Melayu agak lemah, disebabkan kegagalan melahirkan idea yang bernes serta mengembangkan isi. (2) Terdapat perbezaan yang signifikan $p < 0.05$ antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Penggunaan teknik peta pemikiran dalam pengajaran kemahiran menulis memberi kesan terhadap pencapaian murid. (3) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Penggunaan teknik perbincangan konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tidak dapat meningkatkan pencapaian murid. Rumusannya, penggunaan teknik peta pemikiran dalam pengajaran penulisan karangan berjaya meningkatkan penguasaan subjek dalam aspek olahan karangan. Oleh itu, penggunaan peta pemikiran sebagai satu cara atau kaedah baharu yang dapat merangsang murid-murid berfikir aras tinggi seterusnya menjadikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik.

Kata kunci: Peta pemikiran, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu penulisan karangan

Abstract: This study aims to assess the effectiveness of the *i-think* mind map used by teachers during the process of teaching and learning to improve the performance writing in Malay Language in year 6 students. This study focuses on the differences of student achievement between the experimental group and the control group before and after teaching. The study was conducted for eight weeks, which involved 60 pupils of a primary school in Batu Pahat. The experimental group consisted of 30 pupils as well as the control group. Data were analyzed using Predictive Analytics Software (PASW) Statistics 18. The results showed that: (1) There is no significant difference in achievement between groups of experiments with control groups in the pre-test. The achievement of both groups is equivalent which means they are still in the same group of intelligence. Mastery of English writing is quite weak because of the failure to produce ideas and develop content. (2) There is a significant difference $p < 0.05$ between the mean of pre-test score and the mean of post-test scores for the experimental group. The technique of *i- Think* mind maps used in teaching writing skills has affected student's achievement. (3) There was no significant difference between mean scores of pre-test and mean score of post-test for the control group. The use of conventional discussion techniques in teaching and learning English cannot improve student achievement. This explains the use of *i-Think* techniques in teaching essay writing for the set of experiments that has been successfully improving mastery of the subject in this aspect of processing essay. Hence the use of *i-Think* mind mapping as a road or a new method that can stimulate students higher order thinking. Thereby making the teaching and learning of Malay Language more interesting and delightful.

Keywords: *i-think, teaching and learning Malay language, essay writing*

PENGENALAN

Keberhasilan seseorang murid dalam mata pelajaran penulisan Bahasa Melayu sama ada memuaskan atau tidak bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di dalam sesebuah kelas. Selalunya, P&P penulisan Bahasa Melayu dikatakan statik dan tidak menyeronokkan (Zamri 2012). Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru dan murid ketika proses PdP dalam subjek ini. Satu daripada alasannya ialah guru tidak diberikan pendedahan mengenai kaedah dan teknik yang sesuai ketika proses PdP penulisan Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Selain itu, guru tidak berminat dan tiada kemahiran dalam bidang bahasa selain beranggapan guru Bahasa Melayu tidak sepenting guru mata pelajaran lain. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Zamri (2012), iaitu sesetengah individu beranggapan mata pelajaran Bahasa Melayu itu tidak penting dan boleh belajar secara sampingan atau belajar sendiri.

Pelaksanaan program *i-Think* di sekolah-sekolah seluruh Malaysia bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid yang berinovatif pada masa hadapan. Di samping itu, pada 27 Julai 2011 Mesyuarat di antara Agensi Inovasi Malaysia (di bawah Jabatan Perdana Menteri) dan KPM telah bersetuju melaksanakan program *i-Think* dengan merintis 10 buah sekolah di Malaysia.

Kemahiran berfikir aras tinggi atau KBAT perlu diterapkan di dalam bilik darjah termasuk dalam PdP penulisan Bahasa Melayu. Untuk meningkatkan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya murid lebih berminat untuk belajar. A. Rahman, Jamaludin dan Zamri (2015) menyatakan bahawa kebanyakan guru tidak menekankan kemahiran berfikir kepada murid-murid dalam pengajarannya. Guru lebih kepada usaha untuk mencapai objektif pengajarannya dan menghabiskan sukaan pelajaran.

PENYATAAN MASALAH

Kemahiran berfikir adalah asas bagi mencorakkan pembangunan pendidikan yang kreatif dalam kalangan murid. Penekanan terhadap kemahiran

berfikir dalam semua mata pelajaran di sekolah membolehkan percambahan pemikiran berlaku dan murid boleh berfikir dan membuat sesuatu keputusan dengan lebih rasional, bertimbang rasa dan objektif. Justeru, pada tahun 2015 semua sekolah akan melaksanakan pembelajaran abad ke-21 yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir ke arah menghasilkan murid inovatif seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013).

Kemahiran berfikir diterapkan kepada murid melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pengajaran yang boleh mendorong ke arah meningkatkan kemahiran berfikir. Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan murid yang berbeza dari segi kebolehan mereka. Kepakaran guru amat diperlukan dalam menentukan strategi PdP. Hal ini bermakna, guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan murid. Strategi dan teknik yang dipilih itu, selain berpotensi merangsang murid belajar secara aktif dan juga mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik hati murid serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna (PPK, 2002).

Namun, permasalahannya ialah sistem persekolahan kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran murid. Tumpuan hanya lebih tertumpu kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan murid menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukaan. Menurut Sharifah Nor (2012), terdapat beberapa sebab kemahiran berfikir tidak ditekankan antaranya sesetengah guru hanya berpendapat bahawa murid terlebih dahulu menguasai semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum murid boleh digalakkan berfikir.

Menurut Maimunah (2004), perubahan daripada menggunakan kaedah konvensional kepada kaedah PdP KBAT memerlukan komitmen yang tinggi atau cabaran yang besar. Zamri (2012) dalam kajian yang dijalankan olehnya menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak

mengambil kira aspek kemahiran berfikir itu adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian murid.

Kebanyakan guru lebih selesa dengan kaedah pengajaran yang sedia ada dan sukar untuk menerima perubahan dan mempelajari kemahiran penyampaian pengetahuan dalam bentuk baharu. Sharifah Nor (2012) turut mempersetujui kenyataan bahawa cabaran paling besar dalam menangani permasalahan berkenaan keberkesanannya kaedah pengajaran adalah memastikan semua guru menggunakan amalan-amalan yang mampu merangsang kemahiran berfikir secara berkesan dalam pengajaran harian. Dapatan kajian Tengku Fairus (2015) menunjukkan bahawa proses PdP di bilik darjah masih di aras rendah yang mana kurang dan tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir oleh murid. Maka menjadi tanggungjawab utama pendidik untuk memastikan wacana PdP di bilik darjah dibawa kearah pemikiran yang lebih tinggi.

Kajian Che Zanariah dan Fadzilah (2011) menunjukkan bahawa guru-guru tidak mengajar murid menguasai kemahiran mencari, memahami, menganalisis dan menggunakan maklumat. Kajian oleh Siti Zabidah (2006) pula mendapati bahawa guru masih belum dapat menyebatikan kemahiran berfikir dalam proses PdP. Manakala laporan kajian keperluan oleh Perunding *Kestrel Education (UK)* dan *21 Century Schools* yang dibentangkan di USA pada 2 November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih rendah.

Justeru, kajian ini akan mengenal pasti sejauhmana penekanan amalan-amalan KBAT digunakan oleh guru ketika sesi PdP di bilik darjah, terutamanya dalam set induksi, dalam penyampaian isi pengajaran, penilaian pengajaran dan penutupan pengajaran mampu merangsang pemikiran murid-muridm ke aras pemikiran yang lebih tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

1. Mengenal pasti pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

2. Mengenal pasti pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen.
3. Mengenal pasti pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

HIPOTESIS KAJIAN

Tiga hipotesis dibina untuk menjawab tiga objektif kajian, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian eksperimen kuasai, iaitu menggunakan dua kumpulan sampel iaitu Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen. Kumpulan Kawalan merupakan kumpulan yang tidak menerima sebarang olahan dan diajar menggunakan teknik perbincangan konvensional. Manakala Kumpulan Eksperimen pula kumpulan yang menerima rawatan dan diajar menggunakan peta pemikiran. Reka bentuk eksperimen yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan model reka bentuk kumpulan kawalan ujian pasca, yang menunjukkan Kumpulan Eksperimen diberi rawatan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ialah murid tahun 6 .Sampel kajian seramai 60 orang murid dari dua kelas yang berlainan, iaitu 6 Gemilang 1 dan 6 Gemilang 2. 30 sampel dari 6 Gemilang 1 sebagai Kumpulan Eksperimen dan 30 orang sampel dari kelas 6

Gemilang 2 sebagai Kumpulan Kawalan. Keseluruhan sampel mendapat pencapaian gred yang lemah dalam Bahasa Melayu Peperiksaan Akhir Tahun 2014 iaitu gred C – 40% hingga 59% dan D – 20%-39% Gred berdasarkan markah penulisan karangan. Oleh demikian, pemilihan gred ini tepat bagi menggambarkan terdapat beberapa kelemahan murid dalam menulis karangan yang perlu diambil kira agar pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu meningkat.

Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan dua alat kajian, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Alat kajian ujian pra diberikan sebelum teknik menulis karangan menggunakan teknik peta pemikiran yang diperkenalkan. Ujian Pra ini melibatkan semua sampel dalam kajian ini. Ujian pra dijalankan bertujuan untuk mengesan perbezaan pencapaian murid sebelum input pembelajaran diberikan oleh guru. Ujian pasca dijalankan setelah murid Kumpulan Eksperimen diberikan rawatan menggunakan teknik peta pemikiran. Ujian pasca melibatkan semua sampel dalam kajian ini. Tujuan ujian pasca dijalankan untuk mengesan perbezaan pencapaian murid Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan selepas mereka menerima pembelajaran menggunakan teknik peta pemikiran dan teknik konvensional yang diajarkan oleh penyelidik. Ujian pra dan ujian pasca berbentuk kemahiran penulisan karangan.

Pengumpulan Data

Murid-murid di kedua-dua kumpulan tersebut telah dikaji selama lapan minggu. Kumpulan Kawalan menggunakan kaedah konvensional, manakala Kumpulan Rawatan diajar menggunakan pendekatan peta pemikiran.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan *Predictive Analytics Software* (PASW) Statistics 18. Statistik inferensi untuk mencari min dan sisihan piawai digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan.

Perbandingan bagi dua min antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan dengan nilai t (29) = 0.478, $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan .634 lebih besar daripada aras signifikan .05.

Oleh demikian, tidak ada perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra Kumpulan Eksperimen dengan min skor ujian pra Kumpulan Kawalan. Oleh itu hipotesis nul diterima. Pencapaian kedua-dua kumpulan ini setara, iaitu dalam kumpulan kecerdasan yang sama.

Jadual 1: Perbezaan min skor ujian pra Kumpulan Eksperimen dengan min skor ujian pra Kumpulan Kawalan

Kumpulan	Min	Beza Min	SP	Nilai -t	df	Sig. 2 hala
Eksperimen	25.07	1.100	8.017	.478	29	.632
Kawalan	23.97		9.725		29	

P<0.05

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara encapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen.

Perbandingan min prestasi penulisan karangan peringkat ujian pra dengan ujian pasca bagi murid Kumpulan Eksperimen. Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa min prestasi penulisan karangan peringkat ujian pra ialah 25.06 dengan sisihan piawai (SP) 8.01, manakala peringkat ujian pasca ialah 49.4 dengan sisihan piawai 11.6 dengan nilai t (29) = -14.45, $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan .000 lebih kecil dari aras signifikan 0.05.

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi Kumpulan Eksperimen yang mengikuti teknik peta pemikiran dalam meningkatkan skor pencapaian kemahiran menulis karangan. Terdapat perbezaan

yang signifikan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca Kumpulan Eksperimen. Oleh itu, hipotesis nul ditolak.

Jadual 2: Analisis perbandingan min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi Kumpulan Eksperimen

Peringkat	Min	Beza Min	SP	Nilai-t	df	Sig. 2 hala
Ujian Pra	25.06	24.36	8.01	-14.45	29	.000
Ujian Pasca	49.4		11.6		29	

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan karangan murid tahun 6 peringkat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

Dapatan kajian dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa min skor ujian pra ialah 23.96 dan sisihan piawai 9.72, manakala min skor ujian pasca ialah 25.56 dan sisihan piawai 12.2 dengan nilai-t (29) = -.979, $P < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan .336 lebih besar dari aras signifikan .05. Oleh demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min prestasi pencapaian ujian pra dengan ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan.

Oleh itu, hipotesis nul diterima. Hal ini bermakna, penggunaan teknik perbincangan konvensional dalam PdP Bahasa Melayu tidak dapat meningkatkan pencapaian kemahiran penulisan bagi murid yang lemah dalam penulisan Bahasa Melayu.

Jadual 3: Analisis perbandingan min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan

Peringkat	Min	Beza Min	SP	Nilai-t	df	Sig. 2 hala
Ujian Pra	23.96	-1.60	9.72	-.979	29	.336
Ujian Pasca	25.56		12.2		29	

PERBINCANGAN

Perbincangan dibuat untuk melihat faktor penyumbang terbesar kepada keberkesanan menerusi penguasaan murid selepas pengajaran selama lapan minggu dengan menggunakan kaedah peta pemikiran. Perbandingan pencapaian

digunakan untuk melihat sama ada pengajaran menggunakan peta pemikiran memberi kesan kepada kumpulan eksperimen. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran semasa proses PdP dapat meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid tahun 6 dalam pembelajaran Bahasa Melayu Penulisan. Tambahan lagi, pengajaran dengan menggunakan kaedah ini adalah lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan berbanding dengan kaedah biasa atau kaedah tradisional. Penggunaan peta pemikiran ini boleh digunakan sebagai satu strategi yang baru untuk pemahaman tentang makna konsep yang terkandung di dalam teks Penulisan dengan lebih mendalam. Dapatan kajian ini disokong oleh Khairudin (2011) yang menggunakan peta konsep membantu murid memahami secara kronologi pembelajarannya. Dapatan ini juga menyamai dengan kajian Tengku Fairuse (2015) yang menyatakan KBAT amat berkesan digunakan dalam PdP penulisan karangan Bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah rendah.

Kajian juga mendapati bahawa kaedah yang berbeza memang menghasilkan idea dan olahan isi antara kedua-dua kumpulan dalam penulisan karangan. Murid yang diajar menggunakan kaedah peta pemikiran lebih banyak mengemukakan idea dan olahan isi berbanding murid yang diajar menggunakan pendekatan konvensional. Penggunaan kaedah peta pemikiran ini mampu merangsang penghasilan idea terhadap penulisan karangan. Murid mampu menyusun idea seterusnya menyusun idea menjadi sebuah karangan dengan ayat yang gramatis. Dapatan ini selari dengan kajian Siti Zubaidah (2006), Yahya dan Azemy (2012) yang mendapat bahawa peta minda dapat meningkatkan penulisan karangan murid.

Justeru, dengan bantuan (peta pemikiran) sebagai alat pembelajaran dapat membantu murid lebih memahami dan meningkatkan minat murid. Peta pemikiran juga adalah mengikut kesesuaian mengikut murid terbabit dan meningkatkan kecenderungan minat untuk membuat perubahan dalam struktur kognitif mereka ketika belajar penuisan karangan Bahasa Melayu.

IMPLIKASI KAJIAN

Mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya Penulisan banyak menggunakan pemahaman, idea dan cara pengolahan isi. Justeru, murid perlu belajar memahami tajuk untuk melahirkan seberapa banyak idea untuk mengembangkan isi menggunakan ayat yang gramatis. Selain itu, untuk menghasilkan murid yang berfikiran aras tinggi (KBAT) peta pemikiran merupakan salah satu alat bagi murid untuk menjana pendapat mereka sendiri ketika proses PdP di dalam bilik darjah.

Pada hakikatnya, proses pemikiran aras tinggi murid-murid mengambil masa yang panjang untuk diukur namun kemahiran ini seharusnya diterapkan lebih mendalam ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, melalui pembelajaran menggunakan peta pemikiran boleh merangsangkan daya ingatan dan kemahiran berfikir serta menyusun isi menggunakan gambar rajah yang dibuat. Tambahan lagi, melalui penggunaan peta pemikiran ini juga muri-murid akan menarik minat dan pembelajaran lebih menyeronokkan.

Di samping itu, peta pemikiran boleh dijadikan sebagai alat untuk menilai tahap kefahaman murid di dalam bilik darjah dengan isi kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Hal ini kerana, peta pemikiran boleh dijadikan satu alat hala tuju yang lebih terancang berbanding dengan alat berfikir yang lain kerana setiap peta pemikiran mempunyai fungsi yang berbeza. Selain itu, dengan menggunakan peta pemikiran juga murid lebih terarah dan terancang mengikut fungsi peta pemikiran yang telah ditetapkan berbanding alat berfikir yang lain seperti peta konsep dan peta minda. Melalui peta pemikiran juga, murid boleh membuat perkaitan antara peristiwa sebelum, semasa dan selepas proses PdP di dalam bilik darjah.

Tambahan lagi, murid juga dapat membuat perkaitan peristiwa pembelajaran ke dalam kehidupan seharian mereka untuk dijadikan panduan untuk mereka memahami isi yang ingin diutarakan di dalam penulisan berkenaan. Selain itu, nilai yang ingin diterapkan dalam sesebuah penulisan dapat disampaikan kepada murid secara lebih berkesan bukan sekadar menghafal semata-mata.

Selain itu juga, peta pemikiran boleh digunakan sebagai persediaan pra pengajaran

kepada guru. Guru boleh menggunakan peta pemikiran untuk menyusun bahan-bahan pengajaran sebelum dan selepas pengajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, bahan pengajaran yang baharu boleh disusun dengan menggabungkan konsep pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif murid tersebut. Guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran penulisan karangan seharusnya menjadikan aktiviti membina peta pemikiran sebagai alat pembelajaran yang rutin di samping alat berfikir dalam kalangan murid.

Menerusi penulisan, peta pemikiran yang digunakan bukan sahaja boleh menyatakan fakta atau konsep sesuatu perkara malah ia juga boleh digunakan sebagai alat untuk melihat peristiwa,

RUJUKAN

- A Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod (2015). kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 53-60.
- Che Zahariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- Kamariah Abd Ghani. (2002). Kesan penggunaan pendekatan kemahiran berfikir secara penyebatian penuh terhadap pencapaian penulisan karangan. Tesis Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Khairudin Ahmad. (2011). Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap, dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimunah Osman (2004). *Kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Sharifah Nor Puteh. (2012). Keperihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 19-31.
- Siti Zubaidah Mohamed. (2006). Kesan pendekatan penyabatan kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar tingkatan 4. Tesis Dr. Fal. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Tengku Fairuse Tengku Hassan (2015). Tahap kemahiran guru bahasa melayu dalam menerapkan amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Othman & Azemy Othman. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (9): 32-45.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, mempersekap pelajar: Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu Singapura*, 1-29. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovatif P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.